



Tentera Persekutuan Tanah Melayu ke Congo

Bagi menyahut seruan Bangsa-bangsa Bersatu, Persekutuan Tanah Melayu telah menghantarkan 600 orang tentera khasnya

untuk membantu menjaga keamanan di Congo.

Dua buah kapal Amerika Syarikat, Windham County dan Whitfield County, telah bertolak pada 4 Oktober yang lalu,

membawa perajurit Persekutuan itu ke Congo.

Gambar atas: Menunjukkan Tengku Abdul Rahman sedang memberi ucapan kepada perajurit tanah air yang sedang

bersedia dengan gagahnya. Manakala gambar di sebelah kiri atas: Pahlawan-pahlawan tanah air itu sedang berbaris dengan hebatnya.

Gambar bawah kiri: Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj, sedang berjabat tangan dengan Jeneral

Haris Nasution, Kepala staf Angkatan Tentera Darat Tentera Republik Indonesia dalam lawatan rasminya ke Tanah Melayu

baharu-baharu ini.

